

Punca pencemaran masih disiasat

PUTRAJAYA 24 Jun - Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin menegaskan pencemaran udara yang berlaku di Pasir Gudang, Johor sejak minggu lalu berpunca daripada sisa bahan toksik yang mencemari Sungai Kim Kim, Mac lalu.

Beliau berkata, maklumat tersebut diperoleh daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang melakukan siasatan di kawasan terjejas.

“Saya baru dapat maklumat daripada pasukan bomba bahawa kes ini adalah kes berulang dari (pencemaran) Sungai Kim Kim.

“Difahamkan, kontraktor yang dilantik untuk membersihkan bahan itu masih belum dapat menghapuskannya 100 peratus, jadi sisa itu terbiar di Pasir Gudang, lepas itu dengan angin dan hujan, ia terus merebak semula,” katanya ketika ditemui pada Majlis Jalinan Mesra Aidilfitri bersama warga JBPM, di sini hari ini.

Media sebelum ini melaporkan, pelajar di beberapa buah sekolah di sekitar Pasir Gudang, Johor mengalami sesak nafas, loya dan muntah dipercayai berpunca daripada pencemaran udara.

Justeru Zuraida berkata, kerja-kerja membersihkan dan menghapuskan sisa bahan toksik di Sungai Kim Kim akan dilakukan secepat mungkin.

“Jadi bomba kena pastikan, termasuk Jabatan Alam Sekitar negeri perlu dimaklumkan termasuk kerajaan Johor untuk pastikan bahan yang patut dilupuskan itu dihapuskan dengan baik,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah JPBM, Datuk Mohammad Hamdan Wahid berkata, hasil siasatan bomba mendapati kualiti udara di kawasan tersebut berada pada tahap rendah meskipun jauh dari Sungai Kim Kim.

“Kita akan bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar, pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri untuk memaklumkan perkembangan terkini kes tersebut.

“Selain itu, bomba juga akan memberi bantuan kepada Kementerian Kesihatan untuk membantu mangsa ke hospital dan kebanyakan daripada mereka kini berada dalam keadaan stabil,” katanya.

Zuraida bagaimanapun dalam kenyataan lewat malam ini kepada *Bernama* berkata, kawasan Sungai Kim Kim di Pasir Gudang, Johor yang tercemar berikutan pembuangan sisa kimia sebelum ini telah dibersihkan sepenuhnya.



ZURAIDA KAMARUDDIN

Beliau berkata, sisa berbahaya yang terkumpul telahpun dibawa ke Pusat Pelupusan Kualiti Alam untuk dihapuskan.

Menurut Zuraida, beliau memperbetulkan beberapa fakta terdahulu berikutan maklumat terkini yang baru diterima.

Zuraida dalam kenyataan terdahulu dilaporkan berkata siasatan awal bomba mendapati bahan kimia daripada sisa toksik yang diserahkan kepada kontraktor pembersihan masih terbiar dan tidak dihapuskan sepenuhnya.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Yeo Bee Yin sebelum ini dilaporkan mengesahkan Sungai Kim Kim telah bersih dan selamat setelah beberapa hari melalui kerja-kerja pembersihan.

Proses pembersihan sungai di kawasan terjejas sepanjang 1.5 kilometer yang bermula 13 Mac itu, berakhir sepenuhnya pada 17 Mac, melibatkan pelbagai pihak termasuk tiga kontraktor yang dilantik serta pihak berkuasa seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.



6 daripada 17 sekolah berhampiran dengan Sungai Kim Kim

475 IPT, sekolah dan tadika ditutup

- Tiada premis ditutup hari ini
- Tiada yang dirawat secara intensif
- Pusat operasi dibuka di Stadium MPPG
- Pemantauan kualiti udara tiga kali sehari
- Penguatkuasaan, pemantauan segera kilang

75
mangsa
4
masuk wad

Tidak sama kes Sungai Kim Kim

cepat mungkin.

ini terdapat di situ.



PELAJAR Sekolah Menengah Tanjung Puteri Resort yang terjejas akibat terhidu udara tercemar disembur dengan air bagi tujuan meredakan keadaan di Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Johor, semalam. - BERNAMA

475 sekolah, IPT, tadika diarah tutup

JOHOR BAHRU 24 Jun - Keseluruhan 475 institusi pendidikan di Pasir Gudang, dekat sini, diarah tutup mulai esok sehingga 27 Jun ini berikutan pencemaran udara yang berlaku sejak lima hari lepas.

Jabatan Pendidikan Negeri Johor berkata, jumlah itu merangkumi 111 sekolah rendah dan menengah, tiga institusi pendidikan tinggi serta 14 sekolah swasta dan antarabangsa bersama 347 tadika swasta.

“Arahan tutup ini adalah

bagi membolehkan kerja-kerja berkaitan mengatasi isu-isu bahan punca pencemaran sehingga dapat diselesaikan oleh pihak berkuasa,” kata JPN Johor di sini hari ini.

Terdahulu, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Perpaduan Negara dan Kesejahteraan Sosial), Datuk Wira Dr. Md Farid Md Rafik berkata, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (Perpaduan) mengarahkan sembilan tabika perpaduan ditutup.

Katanya, jabatan telah membuat pemantauan yang rapi mengenai kes sesak nafas dan muntah-muntah yang berlaku di beberapa sekolah di kawasan Pasir Gudang.

“Untuk memastikan keselamatan murid terutama di kawasan tercemar, saya mengarahkan Perpaduan Johor untuk menutup sementara tadika di kawasan terlibat,” kata Ahli Parlimen Tanjung Piai itu dalam kenyataan di sini hari ini.

PASIR GUDANG 24 Jun - Pencemaran udara yang berlaku di sini tidak mempunyai kaitan dengan pencemaran di Sungai Kim Kim, pada Mac lalu kerana tahap toksik yang dikenal pasti tidak sama.

Timbalan Menteri Tenaga, Sains Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Isnaraissah Munirah Majlis berkata, pencemaran yang menyebabkan 16 buah sekolah ditutup tidak mempunyai persamaan dengan pencemaran di Sungai Kim Kim.

“Semua sisa daripada kes Sungai Kim Kim sudah diproses melalui insinerator pada 8 April lalu. Bagi kes terdahulu, kita kenal pasti tempat pembuangan di sungai dan mengalir ke hulu, tapi bagi kes ini ia masih dalam siasatan.

“Bahan ini tersebar melalui proses pemulawapan akibat cuaca panas dan keadaan topografi di sini menyebabkan ia dibawa arus angin Monsun Barat Daya yang bertiup dari Selatan. Oleh sebab itu, kita memerlukan pemeriksaan kepada radius 15 kilometer,” katanya dalam sidang akhbar di Pusat Gerakan Operasi Pemantauan di Stadium Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) di sini hari ini.

Sementara itu, Menteri Besar Johor, Datuk Dr. Sahrudin Jamal berkata, pemantauan serta hasil kajian berhubung kejadian itu kini diperluaskan kepada 15 kilometer

Semua sisa daripada kes Sungai Kim Kim sudah diproses melalui insinerator pada 8 April lalu. Bagi kes terdahulu, kita kenal pasti tempat pembuangan di sungai dan mengalir ke hulu, tapi bagi kes ini ia masih dalam siasatan.

**ISNARAISAH
MUNIRAH MAJLIS**

radius dari lokasi pertama kawasan pencemaran di Taman Mawar di sini.

Pihaknya sudah mengenal pasti 30 daripada 265 buah kilang yang disyaki menjadi punca penyebab pencemaran bau hasil daripada dapatan dan siasatan dijalankan.

“Kita telah mengarahkan agensi berkaitan untuk mengenal pasti apa yang berlaku, mana-mana kilang yang disyaki kita akan buat operasi. Kita tidak mahu menyalahkan sesiapa sebab hasil daripada siasatan Jabatan Alam Sekitar (JAS), semua sisa kimia untuk kejadian sebelum ini,” katanya.